# PUSAT PERBIDANAN ISLAM
# DARUL NISAA


DISEDIAKAN OLEH

JULIA AMRITA ENSUARNURUDDIU

NADIA AMILIANA MD ISA

NOOR ANITA RAHMAN

NOR HAFIZA FADZIL

ZUHAILY M. NASIR

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

ULANG TAHUN 40

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA
## CAWANGAN MELAKA

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.
Tel : No. 06 - 5591000, 5591007, 5591009
Telefax : 06 - 5563963
06-5591067

Tarikh : 11hb September 1996
Surat Tuan :
Surat Kami : 100-CM(AKA 37/B)

---

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

| Bil | Nama Pelajar | No. ITM |
|---|---|---|
| 1. | Noor Anita Rahman | 94550816 |
| 2. | Norhafiza Fadzil | 94545344 |
| 3. | Nadia Amilina Md Isa | 94502655 |
| 4. | Zuhaily M Nasir | 94544792 |
| 5. | Julia Amrita Ensuarnuruddin | 94383041 |

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**NASIR NORDIN**
**Ketua Kursus DBS**
**ITM Melaka**
**b/p Pengetua**

# PUSAT PERBIDANAN ISLAM DARUL NISAA'

*Pusat Perbidanan Islam Darul Nisaa'*
*Diploma in Business Studies*
*Kajian Pengurusan dan Perniagaan*
*Institut Teknologi MARA Melaka*
*78000 Alor Gajah*
*Melaka .* **Tarikh :** *18 Oktober1996*

*Encik Shamsudin bin Husin*
*Pensyarah ETR 300*
*Institut Teknologi MARA Melaka*
*78000 Alor Gajah*
*Melaka*

*Tuan*
***Penyerahan Rancangan Perniagaan Perkhidmatan Perbidanan Islam***

*Dengan ini kumpulan kami menyerahkan Rancangan Perniagaan untuk projek Perkhidmatan Perbidanan Islam yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan dan yang dikehendaki .*

*2. Tujuan kami menyediakan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi mata pelajaran Asas Keusahawanan 300 yang diwajibkan ke atas semua pelajar Semester Lima.*

*3. Pemilihan tajuk ini adalah berdasarkan kepada potensi perniagaan ini yang boleh dikatakan telah mendapat sambutan daripada wanita-wanita yang bersalin memandangkan kepada pertambahan jumlah kelahiran yang telah didaftarkan di negara kita sejak kebelakangan ini .*

*4. Kami ingin menyatakan kesanggupan kami dan memandang ke hadapan terhadap maklumat tambahan yang diperlukan berkaitan dengan Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan . Ini semua adalah untuk kebaikan dan untuk menjamin mutu kandungan Rancangan Perniagaan kami agar lebih berkesan .*

*5. Kami berharap Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan menepati keperluan yang telah ditetapkan . Kami memohon kemaafan sekiranya terdapat kekurangan dan kesilapan dalam Rancangan Perniagaan ini . Segala maklum balas dari pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih .*

*Sekian , terima kasih .*
*Wasalam .*

## 1 .0 PENGENALAN

Rancangan Perniagaan ini adalah perancangan untuk menubuhkan sebuah perniagaan yang memberikan perkhidmatan perbidanan 24 jam . Perniagaan kami adalah berbentuk perniagaan perkongsian dan diusahakan oleh rakan-rakan kongsi . Perniagaan kami adalah sebilangan kecil daripada beberapa buah pusat rawatan yang menawarkan perkhidmatan bersalin yang berbentuk Islam di Negeri Melaka . Kami yakin akan dapat mengorak lankah dengan lebih jauh lagi di dalam bidang perkhidmatan ini .

Kami menyatakan demikian bahawa ia memandangkan kepada faktor - faktor perkembangan semasa seperti pertambahan kelahiran bayi dari setahun ke setahun yang telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negeri Melaka khasnya . Bagi wanita-wanita Islam yang bersalin dan mengutamakan kesucian tempat , keselesaan dan kebersihan , perkhidmatan yang kami tawarkan adalah salah satu daripada pilihan mereka . Sejajar dengan itu juga , kami memandang kehadapan dasar yang telah disarankan oleh Perdana Menteri kita iaitu Y.A.B Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad , berkenaan dengan Dasar Kependudukan 70 Juta . Ini bermaksud dalam tahun 2020 , jumlah penduduk kita diharapkan agar bertambah kepada 70 juta bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan yang semakin meningkat . Jadi tugas kami adalah dalam membantu merealisasikan dasar tersebut dan secara tidak langsung khidmat kami adalah bagi memenuhi kehendak wanita-wanita Islam yang ingin melahirkan zuriat mereka mengikut apa yang dituntut dalam Islam .

*Berdasarkan kepada faktor-faktor ini , kami telah bersetuju dan bersepakat untuk membuka sebuah perniagaan yang kami jangkakan akan memberi hasil yang besar untuk tahun yang akan datang di samping dapat mengangkat martabat ummah Islam khasnya . Kami juga telah sebulat suara memberikan nama perniagaan kami dengan nama Pusat Perbidanan Islam Darul Nisaa' yang akan beroperasi di Taman Malinja , Melaka .*

*Pusat Perbidanan ini ditadbir oleh seorang Pengurus Besar , empat orang pegawai yang masing-masing mengendalikan bahagian pentadbiran , kewangan , pemasaran dan operasi . Kesemua mereka ini dibantu oleh seorang doktor dan seorang bidan .*

*Bagi memastikan perniagaan kami sentiasa mendapat tempat dalam pasaran oleh itu kami menitikberatkan soal kepuasan , kebersihan dan perkhidmatan yang terbaik untuk para pelanggan kami yang berminat .*